

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16/09/2017B

Najib, May perkukuh hubungan Malaysia-UK

UM-16/9/2017 (3-2)

■ LONDON 15 SEPT.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya daripada Britain, Theresa May memperkukuhkan lagi hubungan akrab antara Malaysia dan United Kingdom (UK) yang terjalin sekian lama sejak kemerdekaan Malaysia 60 tahun lepas.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas pertemuan mereka di Pejabat Perdana Menteri UK di 10, Downing Street di sini semalam, Najib berkata, di samping berkongsi nilai dan sejarah, UK sedang memperkukuhkan hubungan baharu dengan sahabat dan rakan kongsi di seluruh dunia setelah negara itu keluar daripada Kesatuan Eropah (EU).

"Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk menambah nilai, lokasinya yang strategik di tengah-tengah Asia Tenggara dengan hubungan kukuh kepada dunia Muslim dan China," kata Perdana Menteri.

"Saya memberi jaminan kepada Perdana Menteri May bahawa Malaysia berbesar hati untuk membincangkan perjanjian perdagangan antara kedua-dua negara secepat mungkin," katanya.

Najib berkata, UK dan Malaysia juga bersatu mengenai keperluan memerangi keganasan dan ekstremisme ganas.

"Malaysia sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam memerangi ancaman daripada mereka yang mengufuri nama Islam dengan secara palsu mendakwa bahawa kejahatan mereka bersifat Islamik," katanya.

"Perdana Menteri May dan saya juga membincangkan mengenai krisis kemanusiaan yang dihadapi etnik Rohingya di Myan-



NAJIB TUN RAZAK berjalan bersama Theresa May ketika mengadakan pertemuan dan hala dengan Perdana Menteri United Kingdom itu di 10 Downing Street, London, semalam. - BERHAMA

mar dan kami bersetuju komuniti antarabangsa perlu bersama-sama mencari penyelesaian untuk menamatkan krisis itu," katanya.

Dalam sidang akhbar dengan wartawan Malaysia selepas pertemuan itu, Najib berkata, beliau dan May menyentuh beberapa

perkara mengenai hubungan dua hala dan isu antarabangsa.

"Pertama saya telah menyatakan bahawa dalam perancangan UK selepas Brexit, Malaysia sedia untuk menimbangkan apa cadangan mereka untuk mengukuhkan lagi hubungan

ekonomi khususnya meningkatkan perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia.

"Memandangkan mereka akan keluar EU sudah tentu mereka memerlukan satu formula baharu dari segi hubungan ekonomi dengan dunia, dan Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai kekuatan tersendiri dan boleh memberi nilai tambah kepada masa depan UK selepas Brexit," katanya.

"Perkara kedua, hubungan tradisional dengan Malaysia dalam bidang pertahanan, bidang (usaha) memerangi keganasan kita tekankan, malah kita akan perkukuhkan lagi dalam aspek-aspek yang boleh bawa kejayaan untuk membentasi ancaman keganasan dan juga keganasan ekstremisme dan sebagainya.

"Yang ketiga, saya juga telah bincangkan tentang soal Rohingya yang mana Perdana Menteri UK telah menyatakan pendirian bahawa mereka mahu isu ini dapat diselesaikan dan konflik ini tidak berterusan walaupun ada juga cabaran-cabaran," katanya.

Ditanya tentang perbincangan beliau dengan May dan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump di Rumah Putih, Najib berkata: "Ia sangat signifikan kerana kuasa besar mengiktiraf Malaysia dan menerima Malaysia sebagai pelaku global yang signifikan.

"Kita diambil perhatian apa juga pandangan kita diberi pertimbangan yang serius oleh mereka (May dan Trump).

Dalam pada itu, May turut mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri ekoran tragedi kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittiqiyah, Keramat di Kuala Lumpur, semalam yang mengorbankan 21 orang pelajar dan dua orang warden. - BERHAMA